



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

17 MEI 2025 (SABTU)

DVS AKAN TELITI CADANGAN IMPORT DAGING BABI DARI TIGA NEGARA LAIN

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazzete	National	Online	17 Mei



KUALA LUMPUR – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan meneliti cadangan mengimport daging babi dari Thailand, Brazil dan China sebagai langkah untuk menangani isu kekurangan bekalan tempatan. Cadangan itu disyorkan oleh Gabungan Persatuan Pedagang Daging Babi susulan penutupan beberapa ladang di Selangor baru-baru ini, berikutan penularan penyakit Demam Babi Afrika (ASF). Selain mengakibatkan kerugian besar kepada penternak, ASF turut

mengakibatkan peningkatan harga daging babi segar tempatan yang sangat tinggi yang memberi kesan kepada pengguna.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pada masa kini, Malaysia boleh terus mengimport daging babi dari banyak negara Eropah, Australia, Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom.

“Oleh itu, pengimport disarankan untuk segera mengimport daging babi dari negara-negara tersebut terlebih dahulu,” katanya dalam kenyataan di sini.

Katanya, pihak persatuan turut mencadangkan kawalan harga ke atas daging babi, justeru Kementerian ini akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk mengkaji cadangan tersebut, memandangkan penetapan harga adalah di bawah peruntukan Akta 723, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mohamad berkata, lazimnya kawalan harga babi hanya dilaksanakan ketika musim perayaan berikutan permintaan yang tinggi. Sebagai pelan jangka panjang dalam menangani isu ASF, Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyeru semua pemain industri babi untuk mentransformasi ladang masing-masing kepada sistem Modern Pig Farming (MPF) yang terbukti bebas penyakit. Dalam hal ini, KPKM mengalu-alukan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

Perak, dan Sabah terhadap pelaksanaan MPF termasuk usaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Negeri Sembilan dengan pengezonan Pig Farming Area (PFA) khusus untuk industri babi di negeri tersebut. MPF dan PFA merupakan konsep perladangan moden dengan penerapan sistem terkini yang mampu meningkatkan tahap biosekuriti ladang bagi mengurangkan risiko penularan penyakit.

Mengambil kira transformasi MPF memerlukan kos pelaburan yang agak tinggi, Mohamad berkata, KPKM bersedia untuk memudah cara proses transformasi tersebut bersama pihak-pihak berkepentingan dan satu sesi libat urus akan diadakan dalam masa terdekat. “Adalah diharapkan dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut, isu bekalan babi akan kembali stabil demi untuk kepentingan pengguna dan penternak ke arah pencapaian kadar sara diri 90% daging babi tempatan menjelang tahun 2030,” tambahnya.

DVS TO REVIEW PORK IMPORT PROPOSAL AMID LOCAL SUPPLY SHORTAGE CAUSED BY ASF OUTBREAK

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun Daily	National	Online	17 Mei



KUALA LUMPUR: The Department of Veterinary Services (DVS) will review a proposal from the Federation of Pork Sellers Associations to import pork from Thailand, Brazil, and China as a temporary measure to overcome local supply shortages. Agriculture and Food Security Minister (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu said the proposal comes after several pig farms in Selangor were closed due to an outbreak of African swine fever (ASF). “Currently, Malaysia is still able to import pork from countries in Europe, Australia, the United States, Canada, and the United Kingdom. “We encourage importers to source pork from these countries for now,” he said in a statement today.

Mohamad highlighted that the shortage has hurt local pig farmers and led to a sharp increase in fresh pork prices, impacting consumers.

Looking ahead, the minister said the ministry will work closely with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) to review proposals for pork price controls.

Price regulations, under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, are typically applied only during festive seasons when demand is high.

For a long-term solution to combat ASF, all industry players are urged to upgrade their farms to a Modern Pig Farming (MPF) system, which is proven to reduce the risk of diseases.

Mohamad welcomed support from the state governments of Penang, Perak, and Sabah for MPF implementation. He also noted that Sarawak and Negeri Sembilan are taking steps to establish special Pig Farming Areas (PFA) dedicated to the pig industry. Both MPF and PFA use modern techniques to improve biosecurity and minimise the chance of disease outbreaks on farms.

While the transition to MPF requires significant investment, the ministry is ready to assist stakeholders through a streamlined process and plans to hold an engagement session soon.

“It is our hope that these measures will help stabilise the pork supply, benefit both consumers and farmers, and ultimately enable us to achieve a 90 per cent self-sufficiency rate in local pork production by 2030,” he concluded.

DEMAM BABI AFRIKA: BEKALAN DAGING BABI DIJAMIN KEMBALI STABIL

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	National	Online	17 Mei



PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan terus memperkukuh langkah strategik bagi menangani cabaran penyakit Demam Babi Afrika (ASF) serta memastikan bekalan daging babi tempatan kembali stabil dalam masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai kekurangan bekalan daging babi yang berlaku susulan penutupan beberapa ladang ternakan di Selangor baru-baru ini akibat penularan ASF.

Katanya, situasi itu bukan sahaja memberi kesan besar terhadap penternak malah turut menyumbang kepada peningkatan harga daging babi segar tempatan sekali gus menjejaskan pengguna.

“Sebagai langkah segera, satu mesyuarat telah diadakan bersama Gabungan Persatuan Pedagang Daging Babi di mana persatuan menyuarakan

hasrat untuk mengimport daging babi dari Thailand, Brazil dan China bagi menampung kekurangan bekalan semasa.

“Justeru itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan meneliti cadangan tersebut. Untuk makluman pada masa kini, Malaysia boleh terus mengimport daging babi dari banyak negara Eropah, Australia, Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom.

“Sehubungan itu, para pengimport disarankan supaya mengutamakan negara-negara ini terlebih dahulu bagi mempercepatkan kemasukan bekalan baharu ke pasaran,” katanya dalam satu kenyataan. Mengulas lanjut, Mohamad Sabu berkata, kementerian juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi mengkaji cadangan pengenaan kawalan harga daging babi seperti yang dikemukakan oleh pihak persatuan.

Justeru itu, penelitian menyeluruh diperlukan kerana penetapan harga tertakluk di bawah peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723). “Lazimnya, kawalan harga babi hanya dilaksanakan ketika

musim perayaan berikutan permintaan yang tinggi.

“Sebagai pelan jangka panjang dalam menangani isu ASF, KPKM menyeru semua pemain industri babi agar

mentransformasi ladang masing-masing kepada sistem Modern Pig Farming (MPF) yang terbukti bebas penyakit. “Kami juga mengalu-alukan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perak dan Sabah dalam pelaksanaan MPF termasuk inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dan Negeri Sembilan yang telah melaksanakan pengezonan kawasan Pig Farming Area (PFA) khas untuk penternakan babi,” katanya. Tambah beliau, pendekatan MPF dan PFA bukan sahaja

memperkuh tahap biosekuriti ladang bahkan selaras dengan matlamat meningkatkan daya saing industri ternakan babi tempatan.

“Memahami bahawa transformasi ini memerlukan pelaburan besar, KPKM komited untuk memudahkan cara pelaksanaannya bersama pihak berkepentingan dan akan mengadakan sesi libat urus dalam masa terdekat. “KPKM optimis bahawa pelaksanaan menyeluruh langkah-langkah yang dirancang ini mampu menstabilkan semula bekalan daging babi sekali gus merealisasikan sasaran Kadar Sara Diri (SSL) 90 peratus bagi daging babi tempatan menjelang 2030,” katanya. - [UTUSAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR